

# APAKAH

# PET PASSPORT??

## PENGENALAN

PET PASSPORT yang dikenali sebagai Kad Pengenalan Haiwan Malaysia merupakan satu dokumen rasmi Kerajaan Malaysia dan ianya hanya dikeluarkan setelah haiwan kesayangan didaftarkan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau veterinerawan bertauliah (VB) berdaftar. Di negara-negara maju seperti United States, Canada dan European Union Pet Passport menjadi satu kemestian sekiranya mereka ingin membawa masuk atau keluar haiwan kesayangan mereka dari sesebuah negara.

### HAIWAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN?

- Kucing
- Arnab
- Kuda
- Anjing

Di Malaysia, Pet Passport dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Haiwan 1953 (Semakan 2006). Pada ketika ini, projek ini hanya memfokuskan pendaftaran haiwan kesayangan seperti kucing, anjing dan kuda. Manakala Sistem Pendaftaran Pet Passport pula merupakan sistem pengkalan data kebangsaan di bawah Projek Malaysian Animal Traceability System (MATs).

### KENAPA PET PASSPORT PENTING?

Pet Passport penting kerana ia membolehkan anda mengumpul semua maklumat penting yang diperlukan mengenai haiwan kesayangan anda di dalam satu dokumen dan memudahkan untuk pegawai di sempadan atau dipintu masuk sesebuah negara untuk mengesahkan kesihatan dan rekod imunisasi haiwan kesayangan anda.

### APAKAH FAEDAH DIPEROLEH MELALUI PENDAFTARAN PET PASSPORT?

Pemilik haiwan yang mendaftar haiwan mereka melalui Pet Passport akan memperoleh faedah seperti berikut:

1. Mudah mengesan haiwan kesayangan mereka yang hilang.
2. Pengesahan pemilik haiwan kesayangan melalui microchip yang ditanam di bawah kulit haiwan.
3. Maklumat penting kesihatan haiwan kesayangan berada dalam satu buku sahaja (Pet Passport)
4. Mudah mengawal penyakit sekiranya berlaku wabak.

### TUJUAN PET PASSPORT??

1. Memberi tanda pengenalan pada haiwan kesayangan
2. Membangunkan sistem pengkalan data haiwan kesayangan kebangsaan
3. Memperbaikii daya jejak haiwan kesayangan
4. Meningkatkan pemilik haiwan kesayangan bertanggungjawab
5. Menjamin kebajikan seta kesejahteraan haiwan terpelihara

### DATANGLAH KE BDC BERSAMA

### KUCING @ ARNAB KESAYANGAN ANDA PADA SESI BERIKUT:

2 April 2013 : 9.00 pg — 1.00 ptg

&

3 April 2013 : 9.00 pg — 1.00 ptg

**Bayaran hanya RM15 sahaja!!!**

